

**TRAINING INDUSTRIAL PROGRAM: THE EFFECTIVENESS AMONGST
THE DIPLOMA OF ENGINEERING STUDENTS IN
POLITEKNIK PORT DICKSON**

SUHANA BINTI RAMLI

A Master's Project submitted in fulfillment of the requirements for the award of the
Master In Technical and Vocational Education

Department of Technical and Vocational
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Mac, 2003

*Untuk suami tercinta (Reza), mak, bak, ma, ayah, kak Sukma, adikku
Aida dan Sufi dan rakan-rakan serumah yang banyak membantu.
Segala pengorbanan, sokongan, curahan kasih sayang dan doa kalian
sentiasa dalam ingatan dan tidak mungkin dilupakan.*



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN AL-FATIHAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Salawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana projek akhir ini telah lengkap sebagaimana yang telah dirancang. Di kesempatan ini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih, terutamanya kepada penyelia projek ini, En. Atan bin Hj. Hussein dan kepada pihak Politeknik Port Dickson yang telah memberikan kerjasama yang baik untuk menjayakan projek ini.

Ribuan terima kasih juga kepada diucapkan kepada keluarga tersayang yang telah banyak memberikan sokongan moral. Tidak lupa juga sekalung penghargaan diberikan khas untuk suami tercinta, Mohd Reza Fadhlán yang banyak membantu dari segi kewangan dan pengumpulan data, rakan-rakan serumah (Mah, Nanie, B-B, Balqis, Elly dan Liza) dan juga rakan yang tidak jemu-jemu membantu, Kak Su dan Aida.

Ribuan terima kasih dirakamkan sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini tetapi tidak tertulis namanya di sini. Jasa dan budi baik kalian tetap menjadi kenangan hingga ke akhir hayat.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah bertajuk “ Program Latihan Industri : Keberkesanannya Terhadap Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson. Keberkesanan latihan industri dalam kajian ini dilihat dari 3 aspek iaitu peranan yang dimainkan oleh Politeknik Port Dickson, tahap kesediaan pelajar dan juga sokongan pihak organisasi terbabit. Sampel kajian ini terdiri daripada 136 orang pelajar iaitu 43 orang pelajar Kejuruteraan Awam, 47 orang pelajar Kejuruteraan Elektrik dan 46 orang pelajar Kejuruteraan Mekanikal. Kajian ini dijalankan berdasarkan prosedur kajian yang telah dibuat iaitu dimulakan dengan mengenal pasti masalah dan objektif kajian, pengumpulan data, menganalisis data yang diperoleh dan akhir sekali adalah cadangan atau produk. Pengumpulan data adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar. Data-data yang diperoleh daripada soal-selidik dianalisis dalam bentuk min dan peratusan menggunakan perisian *SPSS*. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan program latihan industri di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson adalah di tahap yang sederhana. Oleh itu, satu cadangan produk telah dihasilkan iaitu senarai semak bagi pelajar yang akan menjalani latihan industri. Diharapkan pengkaji akan datang dapat menguji keberkesanan produk ini.

ABSTRACT

The research that has been carried out is “Training Industrial Program: The Effectiveness Amongst the Diploma of Engineering Students of Politeknik Port Dickson”. This research includes 3 aspects, the role of Politeknik Port Dickson, the readiness of Politeknik Port Dickson students to get involved in the industrial training and the collaboration given by the respective government and private sectors towards this program. Respondents had been taken from 136 students, 43 from Civil Engineering students, 47 from Electrical Engineering students and 46 from Mechanical Engineering students. The research beginning from identifies the problem and the objectives, collecting data, analyzes the data and lastly is suggestion or produces a product. Recorded data and analysis concerning this research had been distributed by using *SPSS* in the form of mean and percentage. The result shows that the effectiveness stage of industrial training program amongst the Politeknik Port Dickson students are at moderate stage. So, the researcher has produced a checklist as a product for the students before they go to industrial training. Hopefully that becoming researcher will examine the effectiveness of this product.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	<i>Halaman judul</i>	i
	<i>Pengesahan Penyelia</i>	ii
	<i>Halaman pengakuan</i>	iii
	<i>Halaman dedikasi</i>	iv
	<i>Halaman penghargaan</i>	v
	<i>Abstrak</i>	vi
	<i>Abstract</i>	vii
	<i>Senarai kandungan</i>	viii
	<i>Senarai jadual</i>	xii
	<i>Senarai rajah</i>	xiii
	<i>Senarai lampiran</i>	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
	1.5.1 Objektif Umum	6
	1.5.2 Objektif Khusus	7
1.6	Rasional Kajian	7
1.7	Skop Kajian	8

1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Keberkesanan	9
1.8.2	Program	9
1.8.3	Latihan	10
1.8.4	Industri	10

BAB 2 SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Tujuan Latihan Industri	11
2.3	Objektif Program Latihan Industri Di Politeknik	12
2.4	Faedah Latihan Industri	13
2.5	Kesediaan Pelajar	14
2.6	Sokongan Organisasi Tempat Latihan	15
2.7	Peranan Politeknik Port Dickson Dalam menentukan Kesesuaian Latihan Industri.	17

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	19
3.2	Rekabentuk Kajian	19
3.3	Populasi Dan Sampel	20
3.4	Instrumentasi	20
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	22
3.6	Prosedur Kajian	23
3.7	Pengumpulan Data	25
3.8	Analisa Data	25

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	26
4.2	Analisis Bahagian A	28
4.2.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	28
4.2.2	Peratusan Responden Mengikut Bangsa	29
4.2.3	Peratusan Responden Mengikut Semester	30
4.2.4	Peratusan Responden Mengikut Bidang Akademik (Kursus)	30
4.2.5	Peratusan Responden Mengikut Tempat Menjalani Latihan Industri	31
4.2.6	Peratusan Responden Yang Menjalani Latihan Industri Mengikut Pilihan	32
4.3	Analisis Bahagian B	33
4.4	Analisis Bahagian C	38
4.5	Analisis Bahagian D	41

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	45
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	45
5.2.1	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian B	46
5.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian C	48
5.2.3	Perbincangan Hasil Kajian Bahagian D	49
5.3	Kesimpulan	50
5.4	Cadangan	51
5.4.1	Cadangan Produk	51
5.4.1.1	Senarai Semakan Sebelum, Semasa Dan Selepas Menjalani Latihan Industri	52

5.4.1.1.1 Pengenalan	52
5.4.1.1.2 Objektif	52
5.4.1.1.3 Penggunaan Senarai Semak	53
5.4.2 Cadangan Lain	54
5.4.2.1 Mengadakan Peperiksaan Kelayakan Untuk Menjalani Latihan Industri	54
5.4.2.2 Mengadakan Taklimat Program Latihan Industri Kepada Organisasi Terbabit	54

RUJUKAN

55

LAMPIRAN

60



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Populasi dan Sampel Pelajar	20
3.2	Pemarkahan Item-Item Skala Likert	22
4.1	Skala Dan Keputusan Analisis	27
4.2	Jadual Tahap Kecenderungan	28
4.3	Analisis Peratusan Dan Min Bagi Peranan Yang Dimainkan Oleh Politeknik Dalam Menentukan Kesesuaian Latihan Industri	34
4.4	Analisis Peratusan Dan Min Bagi Pandangan Responden Terhadap Kesiediaan Pelajar Dalam Menjalani Latihan Industri	38
4.5	Analisis Peratusan Dan Min Bagi Pandangan Responden Terhadap Sokongan Organisasi Tempat Latihan Industri	41

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Carta Alir Proses Perlaksanaan Kajian	24
4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	29
4.2	Peratus Responden Mengikut Bangsa	29
4.3	Peratus Responden Mengikut Semester	30
4.4	Peratus Responden Mengikut Kursus	31
4.5	Peratus Responden Mengikut Tempat Menjalani Latihan Industri	32
4.6	Peratus Responden Yang Menjalani Latihan Industri Mengikut Pilihan	33
4.7	Graf Peratus Responden Melawan Item Bagi Kesesuaian Latihan Industri	35
4.8	Graf Peratus Responden Melawan Item Bagi Tahap Kesediaan Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri	39
4.9	Graf Peratus Responden Melawan Item Tahap Sokongan Organisasi Tempat Latihan Industri	42

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal-selidik (untuk diisi oleh pelajar)	60
B	Data SPSS	66
C	Senarai Semak	85



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan berbagai-bagai institusi untuk menyediakan kemahiran kepada para pelajar. Semua sistem pendidikan dan vokasional telah dipertingkatkan bagi melahirkan lebih ramai tenaga manusia yang terlatih. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan dari masa ke semasa untuk menampung permintaan pasaran, antaranya ialah latihan industri.

Dalam perancangan sistem pendidikan negara juga, keperluan untuk melahirkan tenaga kerja mahir tidak diabaikan. Bagi melatih tenaga manusia ini, ianya memerlukan sesuatu latihan yang khusus bagi membentuk dan melahirkan tenaga kerja mahir dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan. Tenaga kerja mahir adalah sangat diperlukan bagi sesebuah negara untuk tujuan pembangunan. Menurut Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (1999), Jawatankuasa Kabinet telah mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan pada 1979 dengan menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan memainkan peranan untuk melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi permintaan sektor pekerjaan.

Program latihan industri diperkenalkan dalam kurikulum institusi pendidikan sebagai usaha untuk menjadikan pendidikan dan latihan lebih berintegrasi dengan kemahiran yang diperlukan di Negara ini (Fong Chan Onn, 1994). Kata-kata ini bertepatan dengan saranan bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud bahawa tenaga kerja yang cekap, kreatif dan produktif lahir daripada aktiviti pendidikan dan latihan yang bersepadu.

Antara institusi yang menyediakan kemahiran kepada para pelajar ialah politeknik di mana ianya merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam yang bertanggungjawab untuk melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan untuk menjadi tenaga mahir dan separuh mahir khususnya di dalam bidang kejuruteraan untuk diserapkan ke dalam sektor perindustrian selaras dengan visinya iaitu berazam untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Untuk merealisasikan visi Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia ini, setiap pelajar diwajibkan menjalani dan lulus Latihan Industri selama satu semester (6 bulan). Latihan industri dijalankan pada semester tiga bagi kursus Sijil dan semester empat bagi kursus peringkat diploma. Tujuannya ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai suasana kerja yang sebenar serta memberi peluang kepada pelajar untuk menghubungkan kefahaman teori dan amali di organisasi di mana pelajar ditempatkan.

Melalui latihan industri juga, ianya diharapkan dapat memenuhi misi Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia di samping memenuhi matlamatnya iaitu menyediakan program pendidikan dan latihan yang sempurna untuk melahirkan lulusan yang berilmu dan berkemahiran luas serta mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi. Selain itu, Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut menyediakan program dan aktiviti ko-kurikulum yang menyeluruh untuk membina akhlak, perwatakan dan potensi pelajar.

Di samping itu, matlamat Politeknik juga adalah untuk memupuk dan mengekalkan perhubungan rapat dengan industri melalui perundingan, lawatan serta program kerjasama antara politeknik dan industri, memberi perkhidmatan cemerlang kepada klien luar dan dalam politeknik dengan memberi layanan yang mesra dan segera serta sentiasa prihatin terhadap keperluan mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latihan industri adalah amat penting bagi mendedahkan kepada para pelajar dengan konsep sebenar alam pekerjaan di dalam menghubungkan teori kepada amali agar pengetahuan pelajar dapat digunakan seoptimum mungkin. Hasilnya, para pelajar akan dapat dilengkapi dengan pengetahuan, kecekapan dan kebolehan yang relevan dan memadai sebelum mereka menceburi alam pekerjaan.

Menurut Anis (1999), latihan industri adalah suatu keadaan yang membenarkan para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari di luar sistem persekolahan mereka dan untuk mendedahkan mereka terhadap pengalaman kerja. Selain itu, latihan industri juga telah dikenalpasti sebagai salah satu cara untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan yang terkini dalam perkembangan teknologi semasa.

Namun begitu, hakikat sebenarnya ialah program latihan industri ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar keluar daripada suasana di dalam kampus untuk melihat sendiri perubahan dan pembangunan teknologi negara. Pendedahan ini diharapkan dapat melahirkan satu generasi ahli teknologi yang lebih menyeluruh sejajar dengan wawasan negara. Latihan industri juga akan memberi peluang kepada pelajar memahami dengan lebih dekat berhubung pelbagai aspek pengurusan dan kemahiran berkomunikasi antara staf dari pelbagai peringkat dan kemahiran serta lain-lain personel.

Berikutan dengan itu, program latihan industri mula ditekankan dalam kurikulum pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia pada tahun 1981. Tujuan utamanya adalah untuk merancang keperluan tenaga kerja mahir yang dapat dilatih bersesuaian dengan kehendak industri ke arah merealisasikan wawasan 2020. Ianya selari dengan matlamat pendidikan teknik dan vokasional iaitu untuk membantu pelajar meningkatkan potensi dan kemahiran, menerapkan nilai-nilai kerja yang baik dan sikap positif bagi melahirkan graduan atau pekerja yang produktif dan berjaya. Justeru itu, Politeknik-Politeknik Malaysia amnya dan Politeknik Port Dickson (1990) khasnya telah menetapkan pelajar-pelajarnya diwajibkan mengikuti latihan industri bagi tempoh yang ditetapkan sebelum menamatkan pengajian mereka.

Kekurangan tenaga kerja mahir berkemahiran separuh kejuruteraan membayangkan keperluan latihan dan pendidikan yang gigih dan bersungguh-sungguh harus dijalankan bagi membangunkan tenaga kerja di tahap program latihan industri ini. Untuk tujuan melahirkan tenaga kerja mahir dan tenaga separuh mahir bagi diserapkan ke industri, maka keperluan tenaga kerja dan permintaan terhadap pendidikan dan latihan kejuruteraan harus dijalankan.

Justeru itu, pengkaji melihat hubungan antara industri dan institusi pendidikan khasnya Politeknik Port Dickson mempunyai hubungan yang simbiosis. Pelajar adalah bakal pekerja organisasi dan sebagai bakal pekerja, organisasi perlu menyediakan peluang-peluang yang boleh membuka minda pelajar dan menambah ilmu dan kemahiran pelajar semasa menjalani latihan industri.

Namun begitu, Ismail Aasis (1999) telah menyatakan bahawa kebanyakan institusi-institusi pendidikan yang melatih tenaga kerja terlatih dan separa mahir terutamanya dalam bidang teknik dan vokasional hanya menitikberatkan kursus berbentuk teori sahaja dan kurang menekankan aspek amali dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Inilah yang telah menjadi sebab mengapa ramai daripada graduan gagal untuk bersaing semasa mereka berada di alam pekerjaan sebenar.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji keberkesanan program latihan industri di kalangan pelajar Politeknik Port Dickson yang telah menjalani latihan industri. Dalam kajian ini, pemilihan Politeknik Port Dickson adalah berdasarkan kepada beberapa aspek iaitu status dan lokasi. Merujuk kepada status Politeknik Port Dickson, ianya merupakan antara Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia yang terawal selain lima buah Politeknik lain iaitu Politeknik Ungku Omar, Perak, Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang, Politeknik Sultan Abdul Halim Muazzam Shah, Kedah, Politeknik Kota Bharu, Kelantan, dan Politeknik Kuching, Sarawak. Memandangkan Politeknik Port Dickson telah lama beroperasi iaitu sejak bulan Jun 1990, ianya telah mengeluarkan ramai graduan dan tenaga kerja separuh mahir. Namun begitu, tahap keberkesanan latihan industri perlulah dikaji dari masa ke semasa bagi meningkatkan keberkesanannya melalui langkah-langkah atau cadangan-cadangan yang dihasilkan.

Di samping itu, dari sudut lokasi pula, Politeknik Port Dickson merupakan Politeknik yang kedudukannya berada di kawasan pelancongan dan jauh daripada kawasan perindustrian iaitu melebihi 50km berbanding Politeknik-Politeknik terawal yang lain. Justeru itu, ianya telah mendorong pengkaji untuk memilih Politeknik Port Dickson dalam kajian yang dijalankan di mana faktor jarak, pemantauan oleh pihak Politeknik dan kesediaan pelajar merupakan antara item yang akan diambil kira dalam menentukan keberkesanan latihan industri.

Komponen-komponen utama yang dikenal pasti terlibat dalam meningkatkan tahap keberkesanan latihan industri di Politeknik Port Dickson ialah pelajar, organisasi tempat latihan dan juga pihak Politeknik itu sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Program Latihan Industri sememangnya banyak membawa keuntungan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kajian oleh Wood dan Thompson dalam Fa'izah Yaacob (2000), mendapati bahawa latihan adalah tidak berkesan dan tidak

sesuai, membazir wang dan masa. Keberkesanan latihan industri juga sukar untuk dicapai kerana terdapatnya segelintir pelajar yang tidak mematuhi peraturan semasa menjalani latihan industri. (Muhamad Rumzi Mamat, 2002)

Menurut Ahmad Zailani (2002), program latihan industri yang dijalankan tidak akan mencapai tahap keberkesanan 100% sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak terbabit khususnya pihak universiti, pelajar dan juga organisasi tempat latihan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sama ada pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson memperolehi manfaat daripada program latihan industri yang telah mereka ikuti.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mengkaji kesesuaian latihan industri bagi pelajar Diploma Kejuruteraan tahun akhir di Politeknik Port Dickson, beberapa persoalan kajian telah timbul seperti berikut:

- 1) Sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh politeknik dalam menentukan kesesuaian program latihan industri terhadap pelajar?
- 2) Apakah tahap kesediaan pelajar dalam menjalani latihan industri?
- 3) Sejauh manakah dorongan yang diberikan oleh pihak organisasi terhadap program latihan industri?
- 4) Apakah perkara yang meningkatkan keberkesanan latihan industri di Politeknik Port Dickson?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian dibahagikan kepada dua, iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.5.1 Objektif Umum

Untuk meninjau keberkesanan program latihan industri terhadap pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson.

1.5.2 Objektif Khusus

Berasaskan daripada pernyataan masalah. Maka objektif spesifik bagi kajian ini ialah untuk:

- 1) Menilai peranan Politeknik Port Dickson dalam menentukan kesesuaian latihan industri terhadap para pelajar
- 2) Mengukur tahap kesediaan pelajar politeknik dalam menjalani latihan industri
- 3) Mengukur tahap sokongan yang diberikan oleh pihak organisasi tempat latihan terhadap program latihan industri
- 4) Memberi cadangan kepada pihak Politeknik Port Dickson untuk meningkatkan keberkesanan latihan industri

1.6 Rasional Kajian

Penyelidik berharap hasil dapatan kajian yang dijalankan dapat membantu pihak-pihak berikut :

a) Penyelidik

Penyelidik dapat mengenalpasti kesesuaian latihan industri terhadap bidang pengkhususan pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson..

b) Institusi

Memberikan garis panduan kepada pihak institusi tentang kesesuaian latihan industri kepada pelajar juga kesesuaian isi kandungan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran selari dengan keperluan masa kini.

c) Industri

Memberikan garis panduan kepada industri untuk merancang program dan keperluan bagi penempatan latihan industri pelajar-pelajar politeknik.

d) Pelajar

Memberi kesedaran kepada pelajar untuk menyediakan tahap kesediaan diri tentang keperluan penempatan latihan industri.

e) Penyelidik yang akan datang

Memberikan satu garis panduan kepada penyelidik yang akan datang untuk meneruskan penyelidikan berkaitan latihan industri.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Politeknik Port Dickson bagi memastikan latihan industri yang dijalankan adalah menepati objektif pelajar dan juga institusi.

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal tahun akhir sesi 2002/2003 yang telah menjalani program latihan industri memandangkan keputusan latihan industri yang diperolehi menunjukkan sebanyak 75% pelajar yang gagal dalam program latihan industri terdiri daripada pelajar kejuruteraan.

1.8 Definisi Istilah

Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa istilah yang sering digunakan. Bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas dan bertepatan dengan maksud penyelidikan ini, definisi-definisi istilah tersebut dinyatakan seperti di bawah :

1.8.1 Keberkesanan

Mengikut Kamus Pelajar (1987 :370), perkataan keberkesanan berasal dari kata dasar 'kesan' yang bermaksud sesuatu yang timbul dari sesuatu kejadian. Maka, keberkesanan dalam penyelidikan ini bermaksud akibat daripada program latihan industri kepada pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson.

1.8.2 Program

Menurut Hajah Noresah Binti Baharom (2000), program dimaksudkan dengan rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain. Dalam penyelidikan ini, program membawa maksud kursus latihan industri yang diwajibkan oleh pihak institusi

kepada pelajar-pelajar adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan dapat mempraktikkan teori-teori yang dipelajari secara praktikal di firma industri.

1.8.3 Latihan

Menurut Hajah Noresah Baharom (2000), latihan didefinisikan sebagai pelajaran atau didikan untuk memahirkan. Latihan juga membolehkan seseorang itu menggunakan kemahirannya. Di samping itu, latihan juga memerlukan kecerdasan dalam menghadapi situasi, masalah dan sebagainya (Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa, 1999). Oleh itu, dalam penyelidikan ini latihan merujuk kepada latihan amali yang wajib dilalui oleh setiap pelajar semester 4 Diploma Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal selama satu semester.

1.8.4 Industri

Menurut Hajah Noresah Baharom (2000), industri didefinisikan sebagai perusahaan untuk membuat atau menghasilkan barangan. Dalam penyelidikan ini, industri bermaksud kilang, firma, jabatan atau institusi bagi para pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik Port Dickson menjalani latihan secara praktikal.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan

Latihan industri merupakan latihan yang dijalankan di organisasi atau industri dalam jangka masa yang telah ditetapkan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mempraktikkan apa yang dipelajari di universiti dan mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu profesyen. Di samping itu, latihan industri juga merupakan satu cara latihan di mana pelajar-pelajar ditempatkan di satu organisasi bagi satu tempoh tertentu untuk mendapat pengetahuan, pendedahan dan pengalaman kerja yang berkaitan dengan kursus yang diikuti.

2.2 Tujuan Latihan Industri

Secara amnya, latihan industri adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada suasana pekerjaan yang sebenar di samping mendapatkan kemahiran untuk sesuatu kerjaya yang diceburi di samping menghasilkan graduan

yang berkualiti dan professional. Pelajar yang menjalankan latihan industri biasanya dinilai dari aspek etika kerja, kecekapan kerja, kepimpinan, ketrampilan serta keberkesanan berkomunikasi.

Merujuk Noor Azah Ibrahim (1998), antara bidang tugas yang terlibat dalam latihan industri ini ialah pembangunan sistem samada secara berkumpulan atau individu juga penggunaan pengaplikasian. Bidang latihan industri ini memberikan pendedahan dan pengetahuan asas cara pelaksanaan kerja berkaitan penelitian, pemahaman, penjelasan, mengenalpasti dan juga penyediaan prosedur untuk dijadikan panduan.

Secara zahirnya, latihan industri mampu membawa satu nilai tambah kepada pelajar dari aspek ilmu, kemahiran, nilai dan etika, perwatakan dan penampilan diri. Kualiti-kualiti ini mampu memberi keyakinan dalam diri pelajar untuk mengaitkan segala ilmu-ilmu teori yang telah dipelajari dalam situasi pekerjaan sebenar. Menurut Atkinson (1993) dalam tulisan Khairiani, Hafizah, Nik Ahmad Rizal (2001), latihan industri membina jambatan antara dua dunia itu dengan menyediakan pelajar dengan pengalaman kerja yang sesuai dan secukupnya.

2.3 Objektif Program Latihan Industri Di Politeknik

Abu Sopian Jasin (1995) menyatakan bahawa antara tujuan program latihan industri adalah supaya orang yang dilatih mendapat pengalaman yang sebenar dalam menguasai dan mempraktikkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang dikehendaki. Hal ini pula adalah selari dengan dua objektif yang dinyatakan oleh Muhamad Rumzi Mamat (2002) iaitu :

- a) Untuk meningkatkan kemahiran pelajar di dalam sesuatu bidang pengkhususan iaitu sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abd Rahman (1998). "Pengurusan Korporat (Latihan di Tempat Kerja)". Dewan Masyarakat. 63
- Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa (1999). "Falsafah dan Konsep Pendidikan". Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Abu Sopian Jasin (1995). "Cabaran Dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Bagi Menghadapi Wawasan 2020." Dalam "Pendidikan Guru : Cabaran, Falsafah, Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul." Selangor : Nurin Enterprise. 82-87
- Ahmad Zailani (2002). Penyelaras Latihan Industri Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Port Dickson
- Aminuddin Mansor (1997). "Rancangan Malaysia Keenam". Fokus. 23
- Anis Laila Yop Abdullah (1999). "The Perception Of Pre Service Polytechnic Lecturers Regarding Industrial Training." A Research Study / Case Study. KUiTTTHO.
- Atkinson (1993). "Laboring To Learn? Industrial Training For Show Learners." *Educational Research*. London : Kynes.
- Cassel, F. H. & Rodges R. C. (1983). " Vocational Technical Initiatives in Economic Development Operation". *International Journal of Manpower* 4. Bil. 14. 23
- Cheeseman, J. (1994). "How Managers Can Help". *Professional Safety*. 39(10): 24-27

- Cohen, Louis dan Manion, Lawrence (1994). "Research Methods In Education." London: Rout Ledge
- Dennis. G. (1990). " Training and Its Alternatives". Great Britain by Bookcraft Limited. 195.
- Deppe, L. A., Sonderegger, E. O., Stice, J. D. And Streuling, G. F. (1991). "Emerging Competencies for the Ptactice of Accounting," *Journal of Accounting Education* 9. no. 2 (Fall 2). 257-290.
- Donelan, J. G and Reed, R. O. (1992). " Characteristics of Accounting Programs : A Survey of Student's Perceptions". *Journal of Accounting Education* 10. 191- 209.
- Fa'izah Yaacob (2000). "Tinjauan Ke Atas Perlaksanaan Program Latihan Kemahiran Untuk Bakal Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Di ITTHO ". KUiTTHO : Projek Sarjana.
- Fong Chan Ong (1994). "Pendidikan dan Latihan Ke Arah Mencapai Wawasan 2020" dalam Ibrahim Abu Shah. "Perspektif Sumber Manusia Ke Arah Mencapai Wawasan 2020". Ampang, Hulu Kelang, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka. 3-23
- Georgenson. D. L (1982). "The Problem of Transfer Calls for Partnership". *Training and Development Journal*. 36(10):75-77
- Hajah Noresah Baharom (2000). "Kamus Dewan. Edisi 3". Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur
- Hatcher . J (1995). "From Apprentice To Instructor : Work Ethic In Apprenticeship Training". *Journal Of Industry Teaching Education*. 83 (1), 24-25
- Hyland, T (1994). "Competence, education And NVQS." London : Cassel Educational. Ltd.

- Ismail Aasis (1999). "Tinjauan ke Atas Keberkesanan Program Latihan Industri di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah". KUiTTHO : Projek Sarjana
- Jaidi Ahmad (2000). "Persepsi Pensyarah Politeknik Ke Atas Pelaksanaan Program Latihan Pensyarah Di ITTHO". KUiTTHO : Projek Sarjana.
- Kartini Kamarulzaman (2001). "Tinjauan Mengenai Keperluan Latihan Industri Dalam Latihan Pensyarah Politeknik : Satu Kajian Kes Di Kalangan Graduan Sarjana Pendidikan (Teknikal) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn". KUiTTHO : Projek Sarjana
- Khair Bin Mohamad Yusof (1993) . "Rangka Kerja Baru untuk Vokasional " *Jurnal Pendidikan*, Jilid 37 Keluaran 8 Jun 1993. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Khairiani, Hafizah, Nik Ahmad Rizal (2001). "Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO Terhadap Keberkesanan Latihan Industri". KUiTTHO : Projek Sarjana
- KUiTTHO (2001). " Program Latihan Industri di KUiTTHO (2001)". KUiTTHO, Batu Pahat Johor
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan". UTM Skudai
- Mok Soon Sang. (2000). " Ilmu Pendidikan Untuk KPLI". Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur.
- Mondy, R.W.Noel dan Premeaux, Shane R (1999), "Human Resource Management". International Edition. New Jersey: Prentice hall International. Inc.

- Muhamad Rumzi Mamat (2002). Pegawai Perhubungan Dan Latihan Industri Politeknik Port Dickson (Perhubungan Peribadi)
- Noor Azah Ibrahim. (1998). “Kejuruteraan Prisian Masa-Nyata Di UTM”. UTM : Projek Sarjana.
- Nor Mohd Zulkarnain (1997). “Keberkesanan Latihan : Pengalaman Sebuah Agensi Pengembangan Di Malaysia. Universiti Putra Malaysia : Tesis Sarjana.
- Politeknik (2001). “Program Latihan Industri di Politeknik (2001)”.
- Ramlee Mustapha (1999). “Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional : Cabaran Pendidikan Alaf Baru”. *Jurnal Teknologi*. 32(e). UTM. 11-22
- Robyn Peterson (1992). “Handbook of Practical Program Evaluation”. London : Kegan
- R. Murray Thomas (1990). “International Comparative Education Practices, Issues & Prospect.” Smith Barbara U.S.A. Pegamon Press U. of California.
- Shaffer and David, R. (1994). “Social and Personality Development”. University of Georgia, Brooks/cole Publishing Co. 3rd.
- Smith, S. K. (1968). “Guide to Programmed Techniques in Industrial Training”. Epping, Essex : Gower Press Ltd.
- Yahaya Emat (1993). “Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020”. *Jurnal Pendidikan*, Jilid 37 Keluaran 8 Jun 1993. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Safarwan (1995). “Kamus Besar Bahasa Melayu.” Kuala Lumpur. Utusan Publication Sdn. Bhd.

Zawawi bin Daud (2002). Penyelaras Latihan Industri Jabatan Kejuruteraan Awam
KUiTTHO (Perhubungan Peribadi)

_____."Buku Panduan Latihan Industri Fakulti Kejuruteraan" (2000)
Univeriti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

_____."Buku Panduan Latihan Industri Fakulti Kejuruteraan"
(2002) Kolej Univeriti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH